

14/09/2003

Isu Palestin perlu penyelesaian segera: Dr M

Jamudin Idris; Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri mahu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) memberi keutamaan lebih serius mengenai penyelesaian isu penduduk Palestin yang semakin tertindas.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, punca kepada isu itu ialah pertelingkahan mengenai wilayah dan bukannya agama.

"Tanah mereka (penduduk Palestin) telah dirampas. Mereka telah dihalau dari rumah mereka dan orang Israel menduduki kawasan tempat tinggal mereka," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN), di sini semalam.

Oleh itu, kata beliau punca-puncanya perlu dihapuskan dan "ia sebenarnya amat mudah (untuk menyelesaikan isu itu)."

Beliau menegaskan, serangan bom berani mati oleh rakyat Palestin yang turut mengorbankan orang awam tidak dapat diterima kerana ia tidak mengikut lunas Islam.

Katanya, Malaysia menerima hakikat bahawa rakyat Palestin kini ditindas, mereka tiada hak, senjata dan pasukan tentera, tetapi tindakan membunuh diri tidak dibenarkan dalam Islam.

"Soal menentang musuh soal lain tetapi tindakan bunuh diri yang kadang-kadang turut mengorbankan kanak-kanak tidak berdosa, saya tidak fikir itu satu tindakan berani," katanya mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang mengatakan Islam membenarkan serangan berani mati oleh rakyat Palestin.

Abdul Hadi berkata, walaupun serangan itu membabitkan kematian atas orang awam, ia dibenarkan dalam Islam.

Kenyataan Dr Mahathir itu selari dengan fatwa yang dikeluarkan Sheikh Al-Azhar, Dr Mohammad Sayed Tantawi kelmarin yang mengatakan umat Islam dilarang meletupkan diri sendiri kerana ia bukan sebahagian daripada ajaran Islam.

Dr Mahathir berkata, soal di Palestin sekarang, bukan lagi soal agama semata-mata tetapi ia menyangkut masalah sempadan kerana hak mereka dirampas oleh Yahudi.

Yahudi dengan sokongan kuasa besar bertindak ganas dengan merampas tanah, menghalau mereka dari rumah dan tanah Palestin dijadikan kawasan penempatan baru orang Yahudi dan ia menjadi punca penentangan.

Mengenai kabinet bayangan pilihan raya Pas, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata, Pas akan terus bermain dengan bayang-bayang.

"Pas memang suka bermain dengan bayang-bayang. Kabinet bayangan itu hanya bayangan semata-mata.

"Bagaimana mereka ingin merangka kabinet, untuk mengurus perbekalan air di Kelantan dan Terengganu mereka sudah tidak mampu," kata Dr Mahathir.